

SEPTEMBER 2022

WARTA CAHAYA

Indidikan Anak Cahaya Sabah
CAHAYA
EDUCATION FOR ALL | PEND
@cahaya.society@gmail.com

Salam setiakawan!

Kawan-kawan kami yang
gembira!

Selamat Hari Malaysia dan
semoga kita semua berada
dalam keadaan yang baik-
baik. Terima kasih semua
yang tak putus mendukung.

Salam perjuangan yang tak
luntur dari kami sepasukan!



CAHAYA
SOCIETY
EDUCATION FOR ALL

LAPORAN AKTIVITI DAN PROGRAM
BULANAN CAHAYA SOCIETY

KENALI KAMI!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



BIKIN APA?

S e p t e m b e r 2 0 2 2



Lawatan ke Sekolah Agama Al Azhar

Lawatan ini adalah bagi tujuan perkenalan bersama pasukan Al Azhar dan jemputan rasmi untuk Program MerdekaRia 2022.



Kajian Komuniti

Kajian Komuniti ini adalah siri kajian kedua oleh Cahaya Society. Kajian kita kali ini bertajuk Meninjau Halangan, Cabaran & Potensi Komuniti Rentan di Sabah. 100 sampel daripada lapangan dikumpul. Bulan ini kita telah turun ke lima (5) lokaliti untuk menjalankan sesi temubual bersama 10 orang penyelidik lapangan dalam kalangan guru komuniti dan Kelab Alumni Cahaya.



Kursus Pengurusan Organisasi (KPO)

KPO ini dijalankan secara tertutup oleh pasukan pengurusan Cahaya Society bersama Kelab Alumni Cahaya. Tujuannya adalah untuk mendedahkan KAC cara mengendalikan organisasi, program dan sebagai nilai tambah memandangkan mereka telah bergraduasi sejak Julai 2022 lalu.



Gotong-Royong Bulanan CLC

Aktiviti ini adalah aktiviti bulanan wajib bagi mendidik anak-anak agar sentiasa bertanggungjawab menjaga amanah dan wakaf rakyat Malaysia di pusat pendidikan yang kita operasi sejak tahun 2019.

BIKIN APA?

S e p t e m b e r 2 0 2 2



Kunjungan & Program bersama My Fund Action

Berlangsung perbincangan dan pelaksanaan program bersama My Fund Action sempena Hari Malaysia. MFA mengadakan acara pertandingan mewarna bersama anak-anak dan serahan pek sumbangan. Magsukul!



Program MerdekaRia 2022

Program ini adalah bagi merayakan Hari Malaysia 2022. Dikendalikan sepenuhnya oleh Kelab Alumni Cahaya membabitkan peserta pertandingan daripada lima buah sekolah dan pusat alternatif. Acara dipertandingkan termasuk Cerita Rakyat, Pantun Rakyat, Melukis, dan Koir Merdeka.



Kunjungan Hayrat Relief Malaysia

Ini adalah kunjungan kedua HRM yang sentiasa mendukung kerja advokasi kita. Kunjungan kali ini lebih kepada perbincangan program, pembikinan footage bersama influencer Khairul Anuar.



Bengkel bersama NDI

Dua wakil daripada pasukan kita menghadiri Borneo Workshop for Youth CSOs anjuran National Democratic Institute (NDI) di Kota Kinabalu pada 23-25 September 2022. Input yang berguna dan jaringan antara CSOs di Sabah!

Tugasan: Dari Komuniti, Untuk Komuniti!

BULAN DEPAN, BIKIN APA?

1
Rancang satu aktiviti
di Pusat Komuniti
anda.

2
Aktiviti tersebut
hendaklah
melibatkan semua
pelajar atau orang-
orang kampung.

3
Aktiviti tersebut
hendaklah
mendatangkan
kebaikan kepada
semua orang.

PROGRAM #BAGIBAGI

Program ini akan dikemudi oleh Kelab Alumni Cahaya. Ianya aktiviti memasak, membungkus dan mengagihkan bungkusan makanan kepada rakan jalanan di sekitar Sandakan, Sabah

KEM CITA CAHAYA - MEGA

Kita merancang untuk mengadakan KCC - Mega bersama semua anak-anak CLC di tapak perkhemahan.

PELANCARAN T4C2023

Thirty for Cahaya (T4C) adalah kempen mengumpul tajaan awam untuk mendanai program dan operasi Cahaya Society. Kita akan melancarkan tabung tajaan ini bagi tahun 2023 dengan sasaran 500 slot untuk RM30 bagi setiap bulan. Mohon sokongan!



SOKONG KAMI!

Sumbangan untuk tujuan advokasi dan pendidikan alternatif ke:

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

860 368 6012
(CIMB Bank)

5600 2751 2662
(Maybank)



PENGHARGAAN

Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.

Merdeka!



MEDIA

Website: cahayasociety.org
Facebook/Instagram/Twitter: Cahaya Society
Emel: cahayasociety@gmail.com

Alamat:
Bandar Ramai-Ramai, Lot 2, Blok D, Tingkat 1, Jalan Leila, 90000
Sandakan, Sabah

No. Tel (Pejabat): 089 666 915

No. Tel (Admin): 017 820 6712 (En. Suardy)

